

11 JUN 1997

AGONG UTUS UCAPAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN RAMOS

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah hari ini mengutus ucapan tahniah kepada Presiden Filipina, Fidel Ramos, sempena hari kemerdekaan ke-99 negara itu.

"Kami yakin bahawa hubungan kedua-dua negara akan terus diperluaskan dan memperkukuhkan kepentingan bersama," titah Seri Paduka dalam perutusan itu yang dikeluarkan Wisma Puitra, di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed juga menghantar perutusan sama kepada Ramos.

Dr Mahathir berkata di bawah pimpinan Ramos, Filipina mencapai kemajuan ekonomi mengagumkan dan beliau yakin kemakuran negara itu akan terus berkekalan pada masa hadapan.

Dr Mahathir juga berkata bahawa hubungan dua hala berkembang dengan baik sejak beberapa tahun lepas dan beliau berharap kedua-dua negara dapat terus bekerjasama untuk memperkukuhkan hubungan.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi juga menghantar ucapan yang sama kepada Setiausaha Hal Ehwat Luar Filipina, Domingo L Siazon Jr. --
BERNAMA

NAS NAK